

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : UST. DATUK DR. MOHD. KHAIRUDDIN
BIN AMAN RAZALI [KUALA NERUS]**

**UST. DATUK DR. MOHD. KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI
[KUALA NERUS]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM
NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan
keberkesanan dan hasil daripada Ops Catut yang dilakukan ke atas
119,799 premis perniagaan di seluruh negara khususnya terhadap
bekalan makanan dalam pasaran dan kawalan harga.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian telah melaksanakan gerak gempur secara terancang dan berfokus ke atas keseluruhan rangkaian pengedaran barangan dan perkhidmatan di seluruh negara melalui pelaksanaan **OPS CATUT**.

Dalam pelaksanaan **OPS CATUT** ini, pemeriksaan, pemantauan dan penguatkuasaan telah diperhebatkan bagi memastikan peniaga tidak mengambil kesempatan untuk menaikkan harga barang dan caj bagi perkhidmatan dengan menggunakan alasan GST dan mengambil keuntungan tinggi secara tidak munasabah, mematuhi undang-undang penandaan harga, menjual barang pada harga maksimum yang ditetapkan Kerajaan, dan menggunakan alat timbang dan sukat yang tepat semasa menjual barang.

Sepanjang pelaksanaan **OPS CATUT** bermula **15 Januari sehingga 22 Mac 2015**, sebanyak **533,514 pemeriksaan** telah dijalankan di seluruh negara dan dari jumlah ini, **2,686 tindakan undang-undang** telah diambil dengan nilai rampasan sebanyak **RM466,698.40** dan nilai kompaun sebanyak **RM308,066.00**.

Tindakan yang tegas sepanjang OPS CATUT membolehkan pengguna memperolehi maklumat untuk membuat perbandingan harga sebelum membuat keputusan ke atas sesuatu pembelian dan mengalakkan peniaga mengadakan promosi penjualan barang pada harga yang lebih kompetitif di pasaran. Dengan ini, pengguna berpeluang membeli barangan pada harga yang lebih rendah dan menikmati faedah daripada pembelian barangan pada harga berpatutan sebelum dan semasa pelaksanaan GST.

Penguatkuasaan ke atas penggunaan alat timbang sukat yang tidak ditentusah memastikan alat timbang dan sukat yang digunakan dalam perniagaan adalah tepat. Sehubungan dengan itu, pengguna akan dapat membuat pembelian dalam kuantiti timbangan yang tepat dan mendapat faedah atas nilai wang yang dibelanjakan.